

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [SABAK BERNAM]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **PERDANA MENTERI** jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada surau dan masjid serta maahad tahfiz seluruh negara semenjak Kerajaan baharu mentadbir negara termasuk bilangan masjid yang telah dirancang untuk dibina dan didirikan dalam tempoh 5 tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan mengambil berat mengenai pembangunan fizikal dan spiritual masyarakat Islam di negara ini. Untuk tujuan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM127,500,000.00 untuk bayaran imbuhan bulanan imam masjid kariah dan RM37,920,000.00 untuk bayaran elaun guru takmir seluruh negara. Manakala peruntukan sebanyak RM50 juta secara one-off pula telah disalurkan kepada 908 buah institusi tahfiz berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf bangunan serta infrastrukturnya.

Bagi pembinaan fizikal pula, mulai Mei 2018 sehingga Disember 2018, sebanyak 167 buah masjid diluluskan seluruh Malaysia di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM30.64 juta. Sebanyak 46 projek dalam pelaksanaan dengan

peruntukan sebanyak RM17.9 manakala 121 projek telah siap dengan peruntukan sebanyak RM12.74 juta.

Manakala bagi surau pula, sebanyak 214 buah surau diluluskan seluruh Malaysia menggunakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM5.74 juta. Sebanyak 38 projek dalam pelaksanaan dengan peruntukan sebanyak RM1.75 manakala 174 projek telah siap dengan peruntukan sebanyak RM3.91 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019 pula, sebanyak 418 buah masjid diluluskan seluruh Malaysia menggunakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM342 juta. Sebanyak 270 projek dalam pelaksanaan dengan peruntukan sebanyak RM326.32 manakala 147 projek telah siap dengan peruntukan sebanyak RM15.67 juta.

Sebanyak 342 buah surau diluluskan seluruh Malaysia bagi tahun 2019 menggunakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM23.55 juta. Sebanyak 155 projek dalam pelaksanaan dengan peruntukan sebanyak RM20.5 juta manakala 187 projek telah siap dengan peruntukan sebanyak RM3.05 juta.

Sekian, terima kasih.